NO. KAD PENGENALAN | | | | | | - | | | - | | | | |

ANGKA GILIRAN | | | | | | | | | |

Nama .............................................................................................. Tingkatan ..............

Sekolah ............................................................................................................................

# MODUL PINTAS
# TINGKATAN 5 1249/2

## SEJARAH
**Kertas 2**

$2\frac{1}{2}$ jam **Dua jam tiga puluh minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Tulis* **nombor kad pengenalan, angka giliran, nama, tingkatan** *dan* **sekolah** *anda pada petak yang disediakan.*
2. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian:* **Bahagian A** *dan* **Bahagian B**.
3. *Jawab* **semua** *soalan dalam* **Bahagian A** *dan* **tiga** *soalan daripada* **Bahagian B**.
4. *Jawapan bagi* **Bahagian A** *hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas peperiksaan.*
5. *Jawapan bagi* **Bahagian B** *hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
6. *Ceraikan* **Bahagian B** *daripada kertas peperiksaan ini. Calon ada pilihan sama ada mencantumkan buku jawapan bersama-sama kertas peperiksaan ini dengan menggunakan stapler atau menebuk lubang kemudian ikat dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*
7. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*

| *Untuk Kegunaan Pemeriksa* | | | |
|---|---|---|---|
| Kod Pemeriksa : | | | |
| Bahagian | Soalan | Markah Penuh | Markah Diperoleh |
| A | 1 | 10 | |
| | 2 | 10 | |
| | 3 | 10 | |
| | 4 | 10 | |
| B | 5 | 20 | |
| | 6 | 20 | |
| | 7 | 20 | |
| | 8 | 20 | |
| | 9 | 20 | |
| | 10 | 20 | |
| | 11 | 20 | |
| **Jumlah** | | 100 | |

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

## Bahagian A

[40 *markah*]

*Jawab* **semua** *soalan.*

1 Gambar berikut menunjukkan bandar terancang dalam tamadun Indus.



(*a*) Namakan **dua** buah bandar terancang dalam tamadun Indus.

(i) ..............................................................................................................

(ii) ..............................................................................................................

[2 *markah*]

(*b*) Jelaskan keistimewaan bandar dalam **1**(*a*).

..............................................................................................................

..............................................................................................................

..............................................................................................................

..............................................................................................................

..............................................................................................................

[4 *markah*]

(*c*) Sejauh manakah perancangan bandar yang sistematik memberi kesejahteraan kepada hidup manusia?

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

[4 *markah*]

2 Penyebaran Islam oleh Nabi Muhammad SAW telah menimbulkan pelbagai reaksi dalam kalangan masyarakat Arab Jahiliah.

(*a*) Bagaimanakah cara Nabi Muhammad SAW menyebarkan Islam?

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

[2 *markah*]

(*b*) Mengapakah sebahagian masyarakat Arab menentang penyebaran Islam?

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

[4 *markah*]

(*c*) Jelaskan iktibar yang boleh diambil daripada kejayaan Nabi Muhammad SAW menyebarkan Islam dalam kalangan masyarakat Arab.

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

[4 *markah*]

3 Rentap, Linggir, Syarif Masahor dan Datu Patinggi Abdul Gapur telah bangkit menentang perluasan kuasa keluarga Brooke di Sarawak.

(*a*) Nyatakan faktor penentangan pemimpin berikut:

(i) Rentap

..........................................................................................................

..........................................................................................................

[1 *markah*]

(ii) Syarif Masahor dan Datu Patinggi Abdul Gapur

..........................................................................................................

..........................................................................................................

[1 *markah*]

(*b*) Apakah tindakan yang diambil oleh pemimpin tempatan di Sarawak untuk menentang perluasan kuasa James Brooke?

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

[2 *markah*]

(*c*) Bagaimanakah James Brooke berusaha menghapuskan penentangan pemimpin tempatan di Sarawak?

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

[2 *markah*]

(*d*) Perjuangan tokoh-tokoh masa lampau menentang penjajahan British patut kita contohi. Berikan hujah anda.

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

[4 *markah*]

**4** Gambar berikut menunjukkan lambang negara Malaysia.




(*a*) Berdasarkan gambar tersebut, nyatakan maksud:

(i) Bulan sabit

[1 *markah*]

(ii) Dua ekor harimau

[1 *markah*]

(*b*) Bagaimanakah anda mengaplikasikan cogan kata 'Bersekutu Bertambah Mutu' demi kepentingan negara?

[4 *markah*]

(*c*) Mengapakah sesebuah negara perlu memiliki lambang negara?

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

[4 *markah*]

## Bahagian B

[60 *markah*]

*Jawab mana-mana* **tiga** *soalan daripada bahagian ini.*

5 Peningkatan ekonomi yang berlaku dalam tamadun India dan China telah membawa kepada perkembangan peradaban manusia.

(*a*) Terangkan peningkatan kemajuan bidang pertanian dalam tamadun China. [4 *markah*]

(*b*) Jelaskan faktor yang mempengaruhi kepesatan aktiviti perdagangan dalam tamadun India sejak abad ketiga SM. [8 *markah*]

(*c*) Pada pendapat anda, bagaimanakah ekonomi negara kita dapat dipertingkatkan agar setanding dengan negara maju lain di dunia? [8 *markah*]

6 Rajah berikut menunjukkan sistem pendidikan dalam masyarakat Melayu tradisional.




(*a*) Jelaskan maksud pendidikan tidak formal. [4 *markah*]

(*b*) Bagaimanakah pendidikan tidak formal disampaikan dalam kalangan masyarakat Melayu? [8 *markah*]

(*c*) Pendidikan tidak formal adalah pelengkap kepada pendidikan formal.
Buktikan kebenaran pernyataan tersebut. [8 *markah*]

**7** Gambar berikut berkaitan dengan gerakan *Reformation* iaitu suatu gerakan yang berlaku di Eropah Barat pada abad ke-16.




(*a*) Terangkan faktor-faktor yang mendorong berlakunya gerakan tersebut. [6 *markah*]

(*b*) Huraikan kesan-kesan Zaman *Reformation* terhadap Eropah. [6 *markah*]

(*c*) Jelaskan iktibar yang dapat anda pelajari daripada Zaman *Reformation* yang berlaku di Eropah untuk kesejahteraan rakyat Malaysia. [8 *markah*]

**8** Di Thailand, birokrasi Barat telah diperkenalkan sendiri oleh Raja Mongkut dan Raja Chulalongkorn.

(*a*) Terangkan pelaksanaan sistem birokrasi Barat oleh Raja Thailand tersebut. [6 *markah*]

(*b*) Jelaskan kesan pengenalan sistem birokrasi Barat terhadap Thailand. [6 *markah*]

(*c*) Pemimpin yang berkaliber mampu mengelakkan penjajahan asing.
Berikan pendapat anda. [8 *markah*]

9 Pembentukan negara bangsa moden di Eropah mula tercetus di Barat pada penghujung abad ke-18 dan ke-19.

(*a*) Terangkan bagaimana pembentukan negara bangsa berikut dilakukan:

(i) Itali [4 *markah*]

(ii) Jerman [4 *markah*]

(*b*) Pembentukan negara Islam Madinah dan pembentukan negara kita amat berbeza dengan pembentukan negara bangsa Eropah.
Jelaskan pernyataan tersebut. [4 *markah*]

(*c*) Pengamalan konsep realpolitik akan menggugat keharmonian sesebuah negara.
Berikan hujah anda. [8 *markah*]

10 Maklumat berkenaan berkaitan dengan Akta Bahasa Kebangsaan.

> Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 digubal di bawah payung Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan dikuatkuasakan 1 Julai 1971.
>
> Sumber: *https://www.sinarharian.com.my*, 23 *April* 2019

(*a*) Jelaskan langkah-langkah yang dijalankan oleh kerajaan dalam usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. [6 *markah*]

(*b*) Penguasaan bahasa kebangsaan masih kurang diyakini oleh segelintir masyarakat kita pada hari ini.
Mengapakah berlakunya situasi tersebut? [6 *markah*]

(*c*) Pemerkasaan bahasa kebangsaan mampu memupuk perpaduan dan keharmonian negara kita.
Ulaskan pernyataan tersebut. [8 *markah*]

**11** Pengenalan K-ekonomi dan K-masyarakat selari dengan hasrat kerajaan mewujudkan masyarakat Malaysia yang maju dan saintifik.

(*a*) Jelaskan konsep K-ekonomi. [6 *markah*]

(*b*) Bagaimanakah kerajaan berusaha merealisasikan K-masyarakat? [6 *markah*]

(*c*) Sejauh manakah K-ekonomi memberi faedah kepada masa depan negara? [8 *markah*]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**